

Dokumentasi/ Documentation

Sarjana Nantah dan Peranannya dalam Pengembangan Bahasa dan Sastra Melayu

CHONG FAH HING

ABSTRAK

Penubuhan Universiti Nanyang (Nantah) dilihat lebih bersifat destruktif daripada konstruktif oleh pemerintah kolonial dan pihak lain yang tertentu, berikutan penubuhannya pada ketika politik di Singapura dan Tanah Melayu bergelora dengan isu pembinaan identiti kebangsaan. Tetapi, senario itu telah mencetuskan semangat mahasiswa Nantah untuk mempelajari bahasa dan sastra Melayu dengan gigih dan konsisten sehingga berjaya melahirkan beberapa orang sarjana, peneliti dan pengamal bahasa Melayu yang disegani masa kini. Namun, sumbangan dan peranan mereka jarang diketengahkan secara tegas dalam wacana ilmiah pengajian Alam Melayu, apatah lagi penobatan dengan sewajarnya. Rencana ini cuba mendokumentasi ke-sarjanaan dua orang tokoh lepasan Nantah dalam membentuk fahaman dan tanggapan masyarakat Cina secara umum terhadap bahasa dan sastra Melayu, selain melihat ciri-ciri yang boleh dirumuskan daripada bentuk dan proses penglibatan mereka.

Kata kunci: Tan Lark Sye, ASAS 50, Keris Mas, Usman Awang, Mimbar Universiti

ABSTRACT

The establishment of Nanyang University (Nantah) was seen to be more destructive than constructive in the eyes of colonial masters and others, because the timing coincided with the political whirlwind surrounding the development of national identity in Singapore and Malaysia. That scenario interestingly aroused a keen interest among the students of Nantah in learning Malay language and literature. As a result, several respectful scholars and researchers in these two fields appeared. Nevertheless, their contributions and roles have seldom been publicized in the academic discourse on Malay world studies until now. This article attempts not only to review the scholarship of two prominent figures from Nantah in moulding the understanding and opinion of the Chinese community about Malay language and literature, but also to summarize the characteristics they shared in their involvement.

Kata kunci: Tan Lark Sye, ASAS 50, Keris Mas, Usman Awang, Mimbar Universiti

LATAR BELAKANG PENUBUHAN UNIVERSITI NANYANG

Penubuhan Universiti Nanyang, yang lebih dikenali dengan singkatannya *Nantah*, adalah peristiwa sejarah yang signifikan dalam perkembangan pendidikan Cina dan politik kebangsaan di Nusantara secara umumnya dan Tanah Melayu secara khusus. Gagasan penubuhan universiti oleh kaum Cina itu telah pertama kali dikemukakan Tan Lark Sye @ Tan Lak Sai pada 16 Januari 1953 dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Persatuan Hokkien yang ke-10 di Singapura. Beliau adalah usahawan industri getah yang berjaya dan disegani komuniti Cina di Malaya ketika itu. Gagasan itu adalah untuk ‘menyelamatkan’ pendidikan dan kebudayaan kaum Cina yang semakin terhakis dalam gelora pendidikan Inggeris pasca Perang Dunia Kedua, selain untuk membuka jalan baru untuk pelajar lepasan sekolah menengah Cina untuk melanjutkan pelajaran mereka setelah peluang untuk berbuat demikian ke China tertutup setelah regim komunis berkuasa di China pada tahun 1949. Gagasan itu mendapat respon spontan dan sokongan padu daripada pelbagai lapisan masyarakat Cina, kempen mengutip derma untuk pembinaan institusi pendidikan itu telah juga mendapat sambutan yang hangat, termasuk daripada golongan bawahan, seperti pemandu teksi, penarik beca, penjaja dan buruh kasar. Pada tahun 1955, Nantah didaftarkan di bawah Akta Syarikat dengan nama Nanyang University Limited Company, di tengah-tengah pergolakan politik kebangsaan yang rancak antara tahun 1947 hingga 1957. Pendek kata, penubuhan Nantah adalah berlatarbelakangkan persekitaran sosial dan sejarah yang bergelegak dengan nafas dan bau politik nasionalistik sifatnya. Ini sebanyak sedikit telah juga mewarnakan perkembangan institusi tersebut.

BAHASA MELAYU: DARI PEMBELAJARAN KE PENGAJIAN

Berbicara tentang pembelajaran bahasa Melayu di kalangan masyarakat Tionghua di zaman kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, dengan sendirinya kita akan teringatkan Singapura. Ia bukan sahaja sebagai pusat perdagangan, politik dan pentadbiran kuasa penjajah Inggeris, tetapi juga pusat kebudayaan pelbagai kaum kedua-dua buah negara yang berjiran itu. Selain itu, *Undang-Undang Darurat* 1948 yang diisytiharkan ketika itu hanya meliputi Semenanjung Tanah Melayu. Akibatnya, sebahagian besar aktivis dan budayawan Melayu telah berpindah ke Singapura untuk meneruskan perjuangan mereka di pulau itu sehingga tertubuhnya Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50). Antara mereka itu ialah Usman Awang dan Keris Mas (Ismail Hussein 1965). Sementara itu, pembelajaran bahasa Melayu di kalangan masyarakat Cina bermula dan juga tertumpu di kampus Nantah. Ini bermula dengan mengadakan kelas bahasa Melayu yang dikendalikan *Panitia Persiapan Persatuan Mahasiswa*, sebelum pihak Nantah menjadikannya mata kuliah rasmi dalam kurikulum universiti. Semangat itu semakin membara ketika Persatuan Mahasiswa mula mengorak

langkah menerbitkan *Mimbar Universiti*, terbitan tak berkala untuk menyiarkan warta kampus, karya terjemahan sastera Mahua, karya kreatif, ulasan karya sastera Melayu, makalah seni budaya serta rencana tentang masalah mengembangkan dan memantapkan bahasa Melayu. Usaha terakhir ini jelas terpapar dalam rencana Ma Chin (Disember 1958: 7) yang berjudul *Pengajaran Melayu di Singapura*, yang juga turut mencerminkan komitmen mahasiswa Nantah terhadap bahasa Melayu, lebih-lebih lagi peranan mereka sebagai anak zaman kemerdekaan. Penulis itu telah juga mencadangkan ditubuhkan sebuah Universiti Melayu untuk mendokong perkembangan bahasa Melayu. Inti pati cadangan itu boleh dibaca daripada petikan ini:

Memang sebutan Universiti Melayu ini belum dikenal umum, sebab belum pernah ada, tetapi hal itu menjadikannya sangat berharga kepada kita untuk kita bahath. Apakah bahasa Melayu akan mungkin diperkembang sehingga sanggup memainkan peranan penting dalam suatu usaha untuk membentuk sejenis kebudayaan baru dalam tanah ayer kita? Soal itu adalah bergantung dari taraf dan kemajuan bahasa Melayu sendiri. Kerana tugas meninggikan taraf bahasa Melayu takkan dapat dipenuhi oleh sekolah rendah atau sekolah menengah Melayu, maka berdirinya sekolah tinggi Melayu menjadi suatu kebutuhan yang tak boleh diabaikan.

Secara umum, pembelajaran dan pengajian bahasa Melayu boleh ditinjau berdasarkan tiga peringkat perkembangan seperti yang disebut di bawah ini:

1. Era Pra Mata Kuliah Rasmi (Mac 1956-Februari 1958)
2. Era Jabatan Bahasa Moden dan Kesusasteraan (Mac 1958-1967)
3. Era Jabatan Pengajian Melayu (1968-1981)

Pada mula-mulanya, mahasiswa Nantah telah mengadakan kelas bahasa Melayu waktu malam atas nama *Panitia Persiapan Persatuan Mahasiswa* (PPPM) sebagai langkah menyahut tuntutan zaman. Pengajaran itu memberi penekanan kepada kemahiran bahasa, penguasaan pertuturan, pembacaan dan penulisan yang asas. Tenaga pengajar terdiri daripada mahasiswa yang berminat dan berpengetahuan. Antaranya ialah Yang Quee Yee, Lim Huan Boon dan Goh Choo Keng. Yang Quee Yee dan Goh Choo Keng adalah pununtut Jurusan Ekonomi, manakala Lim Huan Boon dari Fakulti Sains Jurusan Kimia, Nantah. Lim dilantik menjadi pembantu pensyarah bagi pengajian bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Moden Nantah pada tahun 1960, manakala Yang Quee Yee pula dilantik sebagai pensyarah antara tahun 1962 – 1964 dengan diikuti Liaw Yock Fang pada tahun 1966. Selepas bahasa Melayu diterap menjadi kurikulum universiti, walaupun cuma sebagai mata kuliah pilihan mulai Mac 1958, En. Muhammad Rashid Manan, dan kemudian pada bulan Oktober, Li Chuan-shou @ Li Chuan Siu diundang sebagai pensyarah bahasa Melayu. Beberapa orang lagi pensyarah sambilan juga diundang untuk menampung penambahan pelajar kursus bahasa Melayu. Antaranya ialah Masuri S.N. dan Cikgu Ehsan bin Haji Ali. Sambutan dari

mahasiswa ketika itu telah dilaporkan Li Chuan-shou (*Mimbar Universiti* Disember 1958: 2):

Sampai kini jumlah mahasiswa dan mahasiswi yang mengikuti kuliah Bahasa Melayu lebih kurang ada 300 (tiga ratus) orang banyaknya, jadi kira-kira ada 23 ½ % dari jumlah seluruh mahasiswa dan mahasiswi Nanyang University. Jumlah yang agak banyak itu mula-mula dibagi menjadi 6 kelas, sehingga tiap-tiap kelas ada 50 mahasiswa dan mahasiswi. Tiap-tiap kelas diberi pelajaran dua jam seminggu.

Bilangan mahasiswa terus meningkat sehingga mencecah 800 orang pada tahun 1959, sebanyak 46% daripada keseluruhan mahasiswa yang berjumlah 1726 orang. Yang menarik ialah keghairahan pelajar Nantah mempelajari bahasa Melayu adalah atas inisiatif mereka sendiri.

Mulai Mac 1958, bahasa Melayu telah ditawarkan sebagai kursus dalam kurikulum Jabatan Bahasa Moden dan Kesusasteraan, yang juga mengajar bahasa Perancis, Jerman, Jepun dan Inggeris. Lebih banyak tenaga pengajar tetap telah diambil. Walaupun kursus itu bersifat kursus kemahiran asas, namun ia sudah lebih terancang. Perubahan itu menunjukkan akurnya mahasiswa dan pihak pengurusan Nantah tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai lambang perpaduan, selain *lingua franca* yang harus dipupuk dan didukung.

Pada tahun 1965, Wang Gungwu dan enam orang ahli jawatankuasanya telah mengemukakan *Report of the Nanyang University Curriculum Review Committee* (CRC) yang telah membawa perubahan besar ke atas kedudukan bahasa Melayu di Nantah. Bab 6 laporan itu *Recommendations on College of Arts* mencadangkan ditubuhkan Jabatan Pengajian Melayu “to provide students who have a good knowledge of Malay with the basic training for research in the language, literature and culture of the Malay peoples” (Li Yelin eds 2002: 337). Ahli jawatankuasa itu turut memanjangkan harapan agar “every effort should be made to attract staff and students of all communities to make the Department the most important cultural bridge both within and outside of the University (Li Yelin 2002: 337). Walaupun cadangan itu diterima dengan baik, tetapi beberapa persatuan di Nantah mempertikaikan kenyataan CRC kerana “the National Language is not given enough emphasis” memandangkan ia diletak di bawah Jabatan Bahasa Moden dan Kesusasteraan (Li Yelin 2002: 337). Kritikan yang representatif telah dikemukakan sepuluh persatuan mahasiswa Nantah yang bertarikh 26 Oktober 1965 dalam memorandum (Li Yelin 2002: 337) yang antaranya berbunyi:

Laporan CRC berlaku kurang adil kerana tidak mencatatkan semangat dan keghairahan pembelajaran bahasa kebangsaan di kampus Nantah pada ketika itu, juga tidak menyatakan walau sepeatahpun tentang perkembangan bahasa kebangsaan di Nantah sejak beberapa tahun kebelakangan. Lebih-lebih lagi tidak membandingkan sikap dan semangat mahasiswa Nantah dengan mahasiswa Universiti Singapura dalam soal pembelajaran bahasa kebangsaan.

Sejak tahun 1956 sehingga Jabatan Pengajian Melayu ditubuhkan pada tahun 1968, beberapa orang individu telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan bahasa dan persuratan Melayu serta menjalankan aktiviti untuk menginteraksikan budaya Tionghua-Melayu. Antaranya ialah Yang Quee Yee, Liaw Yock Fang, Lim Huan Boon, Liauw Kian Djoe, Tan Ta Sen dan Chong Yock Sin.

Perhatian dokumentasi ini ditumpukan kepada peranan dan keserjanaan dua orang tokoh, Liaw Yock Fang dan Yang Quee Yee kerana konsistensi, keberhasilan serta ciri-ciri tipikal mereka dapat mewakili rakan-rakan yang lain. Liaw Yock Fang mewakili siswazah Nantah yang menyelongkari sanubari dan jiwa Melayu dengan mengkaji sastera Melayu klasik dan bahasa Melayu. Sementara itu, Yang Quee Yee pula mewakili siswazah Nantah yang terus-menerus berusaha mewujudkan interaksi budaya Tionghua-Melayu melalui usaha perkamusan Melayu-Cina, penterjemahan dan pengajaran. Walaupun mereka berdua ini berbeza dari segi kecenderungan dan keserjanaan, namun sasaran mereka adalah lebih kurang sama.

LIAW YOCK FANG: PENYELONGKAR SANUBARI DAN AKAL BUDI MELAYU

Lahir di Singapura pada 14 September 1936, Liaw menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Kwang Hwa, Dungun, Terengganu, pada akhir tahun 1940-an. Setelah tamat sekolah rendah pada tahun 1952, beliau menyambung persekolahannya di Chinese High School, Singapura. Pada tahun 1957, beliau mengikuti pengajian bahasa Inggeris di Jabatan Bahasa Moden dan Kesusasteraan, Nantah. Beliau tidak sempat menamatkan pengajiannya di Nantah kerana pada tahun 1960 beliau ditawarkan biasiswa bagi melanjutkan pengajian dalam bidang bahasa dan sastera di Universitas Indonesia dan berjaya memperoleh ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1965. Pada tahun 1971, beliau meneruskan pengajiannya ke Universiti Leiden, dan mendapat gelar Doktorandus pada tahun 1972 dan memperoleh gelar Doktor Falsafah pada tahun 1976 dari universiti yang sama. Beliau berkhidmat sebagai pensyarah bahasa Melayu di Nantah antara tahun 1966 – 1981. Setelah Nantah terubuh, beliau dipindahkan ke Jabatan Pengajian Melayu, National University of Singapore sebagai pensyarah kanan. Jawatan yang disandangnya sebelum bersara pada tahun 1996 ialah Profesor Madya. Kini beliau dipertanggungjawabkan untuk mengedit manuskrip *Undang Melaka dan Undang Laut* di bawah kelolaan Yayasan Karyawan Agung, Kuala Lumpur. Senarai penerbitannya pada Lampiran 1. Keserjanaan Liaw dalam pengajian Melayu mencakupi horison yang luas. Kajiannya boleh dibahagi kepada empat kategori: linguistik Melayu-Indonesia, kesusasteraan Melayu klasik, kesusasteraan Indonesia moden, pendidikan dan pengajaran bahasa Melayu-Indonesia.

Dalam pengajian linguistik Melayu-Indonesia, beliau telah mengkaji sintaksis, nahu dan morfologi. Beliau telah menunjukkan minat yang mendalam, selain sentiasa bersedia memberi ide dan buah fikiran. Pada tahun 1971, beliau mengupas secara kritis penyelidikan yang dilakukan oleh E. M. F. Payne dalam tesisnya *Basic Syntactic Structures in Standard Malay* dan juga M. B. Lewis dalam buku *Sentence Analysis in Modern Malay*. Beliau berpendapat kesalahan Payne dan Lewis adalah kelemahan teori bahasa yang mereka anuti. Tidak kira kelemahan itu, Liaw memuji usaha mereka dalam pengajian tatabahasa Melayu (*Dewan Bahasa* Mei 1971). Walaupun mengakui dirinya bukan ahli bahasa menurut pengertian ilmu bahasa yang hakiki (*Dewan Bahasa* April 1971: 149), namun beliau dapat mengemukakan pendapat tentang tatabahasa Melayu, dan memberi fikiran yang bernas dan menarik pula untuk direnungi. Sikapnya terhadap pengajian bahasa Melayu amatlah serius, ikhlas dan komited. Kesederhanaannya dalam mengemukakan hujah dan buah fikiran juga meyakinkan, sesuai dengan akal budi Melayu yang diselaminya.

Pada tahun 1985, Liaw menerbitkan sebuah buku tatabahasa, *Nahu Melayu Moden*. Penerbitan itu menampilkan kesarjanaannya dalam kajian bahasa Melayu. Semasa memperkatakan sintaksis, beliau mengimbangi dua pendekatannya: nahu tradisional dan nahu transformasi generatif (Rajjee Hadi 1987). Kelebihan buku nahu ini ialah semua ayat yang digunakan sebagai contoh telah dipetik dari kamus dan karya kreatif. Bentuk persembahan sedemikian sesuai dengan sifat perkembangan bahasa itu sendiri memikirkan karya sastera adalah wadah yang sebaik-baiknya untuk menguji daya pengungkapan dan keupayaan mengekod lambang budaya bahasa. Hal ini dapat dilakukan kerana beliau memang akrab dengan sastera, sama ada sastera Indonesia mahupun sastera Melayu tradisional. Pada tahun 1994, buku ini disesuaikan oleh Abdullah Hassan dan diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti sebagai teks kegunaan pelajar di Malaysia. Pada tahun 1996, beliau menerbitkan *Indonesian Grammar Made Easy* dan kemuncaknya dalam bidang ini ialah dengan terbitnya *Malay Grammar Made Easy* (1999). Dalam pada itu, Liaw turut terlibat dalam suatu dialog/polemik bahasa dengan Allahyarham Pak Asraf (*Pelita Bahasa* November 1997) dan kemudian menulis satu siri makalah tentang morfologi dan sintaksis bahasa Melayu (*Pelita Bahasa* Jun 2000 hingga April 2001).

Pada awal kerjaya akademiknya, Liaw lebih tertarik kepada sastera moden Indonesia. Beliau pernah menulis rencana tentang penyair terkenal di Indonesia dalam *Dewan Bahasa*. Antara penulis itu ialah Toto Sudarto Bakhtir, W.S. Rendra, Ajip Rosidi, Kirjomulyo dan Subagio Sastrowardjo. Beliau juga pernah menterjemahkan sajak Chairil Anwar ke dalam bahasa Inggeris. Namun, sumbangan beliau yang paling besar kepada keilmuan Melayu ialah pengajiannya dalam sastera Melayu tradisional dengan bukunya *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* (1975). Buku ini dikembangkannya dengan kajian mutakhir dan diterbitkan di Jakarta dalam dua jilid, 1991 (Jilid 1) dan 1993 (Jilid 2). Walaupun sesetengah sarjana beranggapan pendekatan historis dan rangka teori buku itu tidak terlepas

daripada kerangka R.O. Winstedt (Ding 1999), namun kekayaan faktanya tidak dinafikan (Braginsky 1998; Harun Mat Piah et al. 2000). Sumbangannya yang lain ialah penyelidikannya tentang *Undang-undang Melaka*. Ia diterbitkan pada tahun 1976 dan disifatkan sebagai edisi teks yang berkenaan yang terlengkap (Mohd. Taib & Aziz Deraman 2000: 132; M. B. Hooker 1986: 377). Ketekunannya dalam kedua-dua bidang tersebut telah meletakkan beliau sebagai ahli filologi yang unggul. Kepakarannya dalam bidang ini banyak membantu dalam penulisan sejarah kesusasteraan Melayu tradisional, terutamanya memperkatakan ikhtisar beberapa manuskrip lama yang tidak terdapat dalam buku Winstedt. Tidaklah hairan bukunya itu luas digunakan sebagai teks wajib dalam kuliah di universiti, sekolah tinggi di Malaysia, Indonesia, Singapura, Belanda, England dan sebagainya.

Sumbangan Liaw membawa impak ketara ke atas pengembangan bahasa dan sastera Melayu, khususnya sastera tradisional dan filologi. Walaupun pernah menulis artikel tentang sastera Melayu moden dan kehidupan keagamaan Melayu, perundangan dan politik Islam dalam bahasa Cina di Singapura, sumbangannya dalam membentuk pemahaman orang Cina terhadap ilmu dan pengajian Melayu keseluruhannya masih tidak ketara. Tetapi, ini tidak menjejaskan kedudukan beliau sebagai seorang sarjana pengajian Melayu yang unggul.

YANG QUEE YEE: JURU BICARA INTERAKSI BUDAYA CINA-MELAYU

Lain pula dengan Yang Quee Yee, siswazah *Nantah* dan rakan akrab Liaw. Tumpuan perhatian Yang adalah pada perkamusan Melayu-Cina dan interaksi budaya Cina-Melayu. Khalayaknya lebih banyak daripada orang Cina. Begitulah juga sumbangannya dalam pengembangan ilmu pengajian Melayu.

Yang Quee Yee lahir di Pontian, Johor, pada 18 Ogos 1931. Berkelulusan dari Nantah pada tahun 1959 dalam jurusan ekonomi, beliau melanjutkan pelajaran di Universitas Indonesia dalam jurusan bahasa Indonesia antara 1961 hingga 1962. Sekembalinya dari Indonesia, beliau berkhidmat sebagai pensyarah bahasa Melayu di Nantah dari tahun 1962 – 1964. Beliau terkenal sebagai penyusun kamus Melayu-Cina. Bermula dari tahun 1962 hingga 2000, beliau dengan kerjasama isterinya, Chan Maw Woh, berjaya menyusun dan menerbitkan sebelas buah kamus multi fungsi dan sebuah kamus dalam bentuk cakera padat. Antara yang terpenting ialah *Kamus Umum Bahasa Melayu* (1972) yang telah diedit semula pada 1988 dan 2000. Edisi terkini itu diterbitkan oleh Penerbit Chuang Xin, Beijing, dalam bentuk cakera padat yang didapati telah mencatatkan kemajuan dalam sejarah perkamusan Melayu-Cina khasnya dan perkamusan Melayu amnya. Beliau adalah Karyawan Tamu di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM bagi tempoh 2001/2003. Senarai penerbitannya rujuk Lampiran 2.

Memang diakui Yang Quee Yee telah banyak menggemblengkan tenaga sejak tahun 1950-an lagi dalam membina koleksi pengajian Melayu yang tidak

ada tolok bandingnya di Malaysia dan Singapura sehinggakan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, telah menghantar dua orang pegawai mengunjungi kediaman beliau untuk 'mengekskavasi sumber perbadanan itu'. Sebahagian besar bahan dan data *Pameran Masyarakat Tionghua dengan Bahasa Melayu* oleh Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF), bersempena ulang tahun pertama penubuhan persatuan itu di Balai Budaya DBP pada 6-8 April 1987 itu dipinjam daripada koleksi Yang. Pameran koleksi peribadi itu secara tidak langsung telah memberi pemahaman kepada masyarakat umum tentang usaha kaum Tionghua dalam mempelajari bahasa Melayu dan peranannya dalam pengembangan bahasa, sastera dan budaya Melayu, selain dari segi percetakan buku Melayu dan penterjemahan karya sastera klasik Cina di kalangan Cina peranakan. Pengumpulan koleksinya yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh itu penting juga dari segi interaksi budaya dari segi penglibatan kaum Cina dalam bahasa dan ilmu Melayu sejak masa dahulu lagi.

Sumbangan Yang dalam perkamusan Melayu juga menarik. Mula menciburkan diri dalam leksikografi sejak tahun 1962, kini beliau telah menerbitkan 12 buah kamus, termasuk sebuah kamus berbentuk cakera padat. Semua ini adalah kerjasama dengan isterinya, setelah mengharungi pelbagai aral. *Kamus Umum Bahasa Malaysia* edisi pertama (1972) memakan masa sepuluh tahun untuk diselesaikan dan enam belas tahun lagi untuk menyiapkan edisi pindaan. "Namun, itu pun tidak boleh dianggap lama, kerana diantara hasil penyusunan kami, ada sebuah lagi yang dinamakan Kamus Istilah Baru Bahasa Malaysia mengambil jangka masa penyusunannya melebihi dua puluh dua tahun" (*Kamus Umum Bahasa Malaysia* 1988: vii). *Kamus Umum Bahasa Malaysia*, edisi pertama, adalah hasil yang luar biasa berbanding dengan kamus seumpamanya ketika itu. Kepopularan kamus tersebut menyebabkannya membuat keputusan untuk menerbitkan edisi kedua pada tahun 1988, dengan entri sebanyak 40,064 beserta ilustrasi. Usaha itu dilakukan kerana sejak awal lagi beliau sudah mengumpul semua bahan bahasa Melayu/Indonesia. Komitmennya yang berterusan itu berjaya menempa namanya dalam sejarah perkamusan Melayu (Ibrahim bin Ahmad 1994: 21).

Tidak keterlaluan jika dikatakan usaha gigih Yang Quee Yee telah membantu bahasa Melayu berkembang dengan lebih pesat di kalangan orang Cina di Malaysia. Pengguna kamusnya terdiri daripada murid sekolah rendah hingga mahasiswa di institusi pengajian tinggi, kakitangan kerajaan dan eksekutif kanan syarikat swasta. Pendokumentasian, sistem pengurusan data dan mekanisme kerjanya telah menampakkan keunikan dan keprofesionalannya. Kesarjanaannya terserlah dalam usaha perkamusan yang secara langsung menyebarkan penggunaan bahasa Melayu baku dan tulisan Rumi. Sumbangannya dalam memasyarakatkan penggunaan bahasa Melayu boleh juga ditelusuri dari pengajaran bahasa Melayu dan kerja penyuntingan, penulisan dan penterjemahan yang beliau lakukan. Sejak tahun 50-an, beliau telah terlibat secara langsung

dalam pengajaran bahasa Melayu, di dalam dan di luar kampus Nantah. Rasa tanggungjawabnya terhadap penyebarluasan penggunaan bahasa Melayu tidak pernah luntur sehingga sekarang. Ketika berusia 66 tahun pada tahun 1996, beliau menerima undangan sebagai Profesor Pelawat bahasa Melayu di Jabatan Pengajian Melayu di Beijing Foreign Studies University (BFSU). Pada tahun 1998, beliau menjadi Profesor Pelawat di Jabatan Pengajian Bahasa Indonesia/Melayu, Peking University. Usaha itu besar maknanya untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu ke rantau Timur Jauh.

Semasa menuntut di Nantah, Yang telah terlibat dalam penyuntingan dan penyelenggaraan *Mimbar Universiti*, sebuah tribune Nantah, antara tahun 1958 hingga 1959. Selain warta kampus, ia memberi ruangan kepada diskusi tentang isu bahasa dan sastera Melayu, masalah pembentukan dan pengembangan kebudayaan dalam negara berbilang bahasa dan budaya. Yang Quee Yee dengan nama pena Ma Chin, telah mendesak didirikan sekolah menengah Melayu di Singapura bagi menampung anak-anak Melayu lepasan sekolah rendah dalam rencana bertajuk “Pengajaran Melayu di Singapura” (Disember 1958: 5). Rencana tersebut juga membincangkan kepincangan pendidikan Melayu di Singapura dikaitkan dengan dasar pendidikan kerajaan yang menitikberatkan pendidikan Inggeris. Isu itu juga diperkatakannya dalam rencana “Pandangan Sepintas Lalu Tentang Usaha Menggalakkan Bahasa Kebangsaan di Singapura” (Ogos 1960: 4) dan “Di bawah Gelora Bulan Bahasa” (Ogos 1963: 6-7).

Setelah tamat pengajian di Nantah, Yang terlibat secara aktif dalam bidang kebahasaan dan kesusasteraan Melayu. Pada tahun 1960, beliau dengan rakan-rakan lain telah mengusahakan penerbitan majalah *Budaya* di Singapura, dengan Liauw Kian Djoe sebagai editornya. Rencana dan karya kreatif yang disiarkan majalah tersebut bukan sahaja menyambung cita-cita dari *Mimbar Universiti*, malahan objektifnya telah menjadi lebih khusus, jitu dan jelas untuk membina bahasa dan kebudayaan nasional. Yang Quee Yee telah menyumbangkan beberapa rencana yang penting dalam majalah itu, termasuk “Tugas Memperkembangkan Kebudayaan Malaya” (Disember 1960), “Bahasa Kebangsaan dan Pelajaran Melayu di Singapura pada dewasa ini” (September 1961) dan “Perihal Menterjemahkan Kesusasteraan Tionghua-Malaya ke dalam Bahasa Melayu dan Sebaliknya Ogos” (1962). Ketiga-tiganya memperkatakan masalah budaya, bahasa dan sastera dari perspektif realiti budaya di sini serta kesedarannya sebagai warganegara. Tetapi, majalah ini pendek hayatnya. Cuma tiga isu sempat diterbitkan kerana masalah kewangan.

Kerjaya penyuntingan, penulisan dan penterjemahan beliau tidak berakhir dengan penerbitan kedua-dua majalah itu terhenti. Beliau diberi tanggungjawab oleh *Nanyang Siang Pau* untuk menyelenggarakan ruangan bahasa Melayu, “Belajar Bahasa Kebangsaan”, antara tahun 1964 hingga 1968. Sekali lagi, beliau diberi peluang untuk memasyarakatkan penggunaan bahasa Melayu sesuai dengan kedudukan bahasa itu sebagai bahasa kebangsaan. Tanggungjawab itu menuntut kesabaran dan ketekunan.

KESIMPULAN

Keterlibatan Yang Quee Yee secara aktif dalam pengembangan bahasa dan sastra Melayu bukan sahaja didorong persekitaran politik semasa, tetapi juga keinsafan dirinya sebagai seorang warga Malaya. Dia mempunyai keyakinan tentang masa depan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, maka perlu diangkat ke martabat yang tinggi. Keterampilannya adalah juga kerana beliau adalah aktivis bahasa yang sanggup turun ke padang, demi menghayati kesegaran dan kreatifan penggunaan bahasa di kalangan anggota masyarakatnya. Ini dapat dilihat daripada penglibatan masa mudanya dalam pengajaran bahasa Melayu kelas dewasa dan kemudian memperkatakan bahasa dan sastra Melayu dalam pelbagai ceramah awam. Sebagai tokoh budayawan yang gigih dan sederhana dalam serba-serbi, beliau telah berusaha sedaya-upaya membina jambatan persefahaman antara pelbagai kaum menerusi terjemahan karya sastra Cina-Melayu dan mencelikkan anggota masyarakatnya tentang pelbagai gejala dalam lingkungan budaya kaum Cina dan Melayu menerusi ceramah.

Walaupun minat Liaw dan Yang kelihatan berbeza, namun objektif mereka adalah sama: melacak akar nasionalisme membina Kebudayaan Malaya.

Lampiran 1

Senarai Penerbitan Liaw Yock Fang (1963-1999)

Buku

- 1970 *Ikhtisar Kritik Sastra*. Singapore: Pustaka Nasional (Bersama H.B. Jassin).
- 1974 *The Complete Poems of Chairil Anwar*. Singapore: University Education Press (Bersama H.B. Jassin).
- 1975 *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapore: Pustaka Nasional.
- 1976 *Undang-Undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- 1978 *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* (Ed. 2). Singapore: Pustaka Nasional.
- 1982 *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* (Ed. 3). Singapore: Pustaka Nasional.
- *Pelajaran Bahasa Melayu 1A-6B*. Singapore: Educational Publications Bureau (Bersama Rajib Bahri).
- 1984 *Kursus Bahasa Nasional, I-IV*. Singapore: Pustaka Nasional.
- *Pelajaran Bahasa Melayu 1A-6B (Bacaan)*. Singapore: Educational Publications Bureau (Bersama Rajib Bahri).
- *Buku Kerja Pelajaran Bahasa Melayu 1A-6B*. Singapore: Educational Publications Bureau (Bersama Rajib Bahri).
- 1985 *Nahu Melayu Moden*. Singapore: Pustaka Nasional.
- 1988 *Standard Malay Made Simple*. Singapore: Times Books International.
- 1989 *Standard Indonesian Made Simple*. Singapore: Times Books International.
- *Standard Malay Made Simple* (2nd Ed). Singapore: Times Books International.
- 1990 *Speak Indonesian*. Singapore: Times Books International (Bersama Munadi Patmawidiria & Abdullah Hassan).
- 1991 *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik Jilid I*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- 1992 *Indonesian in 3 Weeks*. Singapore: Times Books International (Bersama Munadi Patmawidiria).
- 1993 *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik Jilid II*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- *Speak Standard Malay*. Singapore: Times Books International.
- *Speak Standard Indonesian*. New York: Hippocrene Books (Bersama Munadi Patmawidiria & Abdullah Hassan).
- 1994 *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti (Bersama Abdullah Hassan).
- *Easy Indonesian Vocabulary*. Singapore: Times Books International.
- 1996 *Indonesian Grammar Made Easy*. Singapore: Times Books International.
- 1999 *Malay Grammar Made Easy*. Singapore: Times Books International.

Makalah

- 1963 Sedikit tentang Hikayat Hang Tuah. *Dewan Bahasa* 7: 3 (Mac): 114-6.
- 1966 Masalah Membaca Sajak. *Dewan Bahasa* 10: 2 (Februari): 545-53.
- 1967 Toto Sudarto Bakhtiar: Penyair Ibukota Senja *Dewan Bahasa* 11: 1 (Januari): 28-36.
- W.S. Rendra. *Dewan Bahasa* 11: 2 (Februari): 82-90.
- Sajak-sajak Ajib Rosidi. *Dewan Bahasa* 11: 3 (Mac): 110-9.
- Kirjomulyo. *Dewan Bahasa* 11: 4 (April): 166-9.
- Subagio Sastrowardjo: Penyair Simphoni. *Dewan Bahasa* 11: 5 (Mei): 219-22.

- Ilmu Bahasa dan Penggolongan Jenis Kata dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 11: 7 (Julai): 304-16.
- Ilmu Bahasa dan Penggolongan Jenis Kata dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 11: 12 (Disember): 552-9.
- Undang-undang Luhak Tiga Laras. *Nanyang University Journal* 1: 107-17.
- “A Transformational Approach to Malay Syntax” Paper presented at Conference on Modernization of Languages in Asia, Kuala Lumpur, 30 September – 1 October.
- 1968 Ilmu Bahasa dan Penggolongan Jenis Kata dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 12: 1 (Januari): 33-45.
- The Islamic Political Theory (Bahasa Cina). *Island Society Quarterly* 1(2): 11-3.
- 1969 Penelitian Sintaksis Bahasa Melayu/Indonesia. *Dewan Bahasa* 13: 3 (Mac): 99-109.
- Penelitian Sintaksis Bahasa Melayu/Indonesia. *Dewan Bahasa* 13: 4 (April): 152-62.
- Penelitian Sintaksis Bahasa Melayu/Indonesia. *Dewan Bahasa* 13: 5 (Mei): 219-26.
- Penelitian Sintaksis Bahasa Melayu/Indonesia. *Dewan Bahasa* 13: 6 (Jun): 260-70.
- The Economic Value of Malay Education. *Intisari* 3: 3.
- Malay Studies and National Development. *Seminar, Research Programme in Singapore*. Nanyang University, Singapore.
- 1970 Nahu Transformasi atau Nahu Bahasa Melayu-Indonesia? *Dewan Bahasa* 14: 1, (Januari): 26-9.
- 1971 Dua Buah Buku Baru Tentang Tatabahasa Melayu (1). *Dewan Bahasa* 15: 4, (April): 147-61.
- Dua Buah Buku Baru Tentang Tatabahasa Melayu (2). *Dewan Bahasa* 15: 5, (Mei): 205-22.
- Chairil Anwar dan Sajak-Sajaknya. *Sasterawan* 1: 28-36.
- 1973 Satu Catatan Tentang Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Melayu Lama. *Dewan Bahasa* 17: 9 (September): 420-4.
- 1975 “Prakata Puncak Sembilan” (Antologi Puisi Sembilan Penyair Melayu). Singapura: 1-14.
- 1976 Sedikit Tentang Isi Naskhah Cod. Or. 3376. *Dewan Bahasa* 20: 2 (Februari): 102-4.
- Dewan Bahasa dan Tatabahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 20: 9/10: 680-7.
- 1977 Malay Literature in Singapore (Bahasa Cina). *Literary Monthly*.
- Prakata Matahari Kota (Antologi Cerpen S. Suratman). Singapore: vii-ix.
- 1978 Ilmu Bahasa dan Penggolongan Jenis Kata dalam Bahasa Melayu. Abdullah Hassan ed. *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 134-49.
- 1979 Penggolongan Jenis Kata dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 23: 11 (November): 11-33.
- 1980 Modern Malay Literature (Bahasa Cina). *Journal of Humanities and Social Sciences* 2: 93-100.
- Notes on Learning English (Bahasa Cina). *Jiaoyu Zhuanti Lunwenji*: 25-8.

- Mempelajari Sastra Lama. *Souvenir Programme 1979*. Singapore: Society of Malay Culture.
- 1981 Sejarah Melayu: Satu Analisa. *Analisa*: 54-61.
- “Malay and English Sentence Patterns-A Comparison” in Asmah & Nor Ein Mohd. Nor ed. *National Language As Medium of Instruction*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 492-502.
- Tatabahasa Melayu Hari Ini. *Kertas Kerja Seminar Pengajaran Bahasa Melayu*. Singapore, (April).
- 1983 The Hero in Malay Folk Romances. *Paper presented at Unesco Regional Conference on the Hero in Southeast Asia Classical Literature*. Yogyakarta, Indonesia, 18-21 (April).
- The Undang-undang Melaka. K. S. Sandhu & P. Wheatley eds. *Malaka: Transformation of Malay Capital C. 1400-1980*. Singapore: Oxford University Press: 180-94.
- 1984 Minority Literature Among the Ethnic Malays. *Solidarity* 101: 33-6.
- Tatabahasa Melayu Hari Ini. *Sekata*: 28-38.
- Singapore Literature. Leonard Klein ed. *Encyclopedia of World Literature in the 20th Century*, Vol. 1. United States: Frederick Ungar Publishing Co. Inc: 635-8.
- 1985 Konsep Ayat Tunggal dalam Bahasa Melayu. *Sekata*: 12-9.
- 1986 Ulasan Tentang Sifat Kata dan Sifat Katahan. *Dewan Bahasa* 30: 5 (Mei): 366-74.
- Sastera Peralihan Hindu-Islam. *Dewan Sastera* 16: 7 (Julai): 34-8.
- Sastera Peralihan Hindu-Islam. *Dewan Sastera* 16: 8 (Ogos): 63-6.
- Sastera Peralihan Hindu-Islam. *Dewan Sastera* 16: 9 (September): 38-42.
- Sastera Peralihan Hindu-Islam. *Dewan Sastera* 16: 10 (Oktober): 36-9.
- Sastera Peralihan Hindu-Islam. *Dewan Sastera* 16: 11 (September): 64-7.
- Malay Language and Literature in Singapore. Basant K. Kapur ed. *Singapore Studies*: 323-36.
- 1987 Beberapa Masalah dalam Penulisan Sejarah Sastera Tradisional Melayu. Siti Hawa Haji Salleh ed. *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: 13-23.
- Cina dalam Sastera Melayu Tradisi: Sebuah Kajian Awal. Ahmad Kamal Abdullah et al. *Sastera Melayu dan Tradisi Kosmopolitan: Kertas Kerja Hari Sastera 1985*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konsep Kesalahan Bahasa di dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 30: 2, (Februari) 77-93.
- 1988 Sastera Melayu Zaman Islam. *Dewan Sastera* 18: 5 (Mei): 76-8.
- Sastera Melayu Zaman Islam. *Dewan Sastera* 18: 6 (Jun): 60-5.
- Sastera Melayu Zaman Islam. *Dewan Sastera* 18: 7 (Julai): 61-3.
- Sastera Melayu Zaman Islam. *Dewan Sastera* 18: 8 (Ogos): 72-5.
- Sastera Melayu Zaman Islam. *Dewan Sastera* 18: 9 (September): 41-3.
- Sastera Melayu Zaman Islam. *Dewan Sastera* 18: 10 (Oktober): 25-7.
- Syair: A Malay Traditional Verse Form. *Bahana* 23 (93): 23-5.
- Cerita Penglipur Lara. *Bahana* 23 (94): 33-40.
- Catatan Tentang Sebuah Naskhah Baru Undang-undang Melaka. *Beriga*.
- Singapore Literature. Leonard Klein ed. *Far Eastern Literature in the 20th Century*. United Kingdom: Oldcastle Books: 175-8.

- 1989 Pelbagai Versi Undang-undang Laut. Kertas Kerja Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, 21-23 Ogos.
- Teks Undang-undang Laut dan Masalah Penyuntingannya. Kertas Kerja Seminar Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 Oktober - 1 November.
- 1990 Penggolongan Kata dalam Pelita Bahasa Melayu. *Sekata* 8 (1): 5-13.
- 1991 Mencari Kaidah Penentuan Kelas Kata dalam Bahasa Indonesia. *Paper presented at International Symposium on National and Regional Languages in Southeast Asia*. University Gajah Mada, Yogyakarta, Indonesia, 18 - 20 February.
- Kepengarangan Syair Melayu. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Ke-2*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2 - 5 September.
- Penggolongan Jenis Kata dalam Nahu Melayu Mutakhir. *Sekata* 9 (1): 13-20.
- Tatabahasa Dewan: Sebuah Catatan. *Sketsa* 9 (2): 4-34.
- 1992 Kata Keterangan dalam Bahasa Melayu. Juriah Long, Ramli Md. Salleh & Atiah Hj. Salleh edited. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Linguistik Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Linguistik Malaysia: 109-18.
- 1993 Undang-undang Melaka: Sebuah Tinjauan Kembali. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Ke-3*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 5 - 8 September.
- Penggolongan Kata dalam Bahasa Indonesia: Sumbangan M. Ramlan. *Dewan Bahasa* 37 (11): 1036-40.
- 1994 Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia: Tinjauan Orang Luar. *Paper Presented at First International Symposium on Austronesian Cultural Study*. Denpasar: Balai Pendidikan Guru, 14 - 16 Ogos.
- Lie Kimhok and the First Modern Malay/Indonesian Grammar Book. *Paper Presented at International Conference on Southeast Asian Chinese Culture, Economy and Society*. Singapore, 21 - 23 January.
- 1996 The Teaching of BIPA: A Personal Experience. *Kertas Kerja Konferensi Internasional II Pengajaran Bahasa Indonesia Bagi Penutur Asing*. Padang: IKIP 29 Mei - Jun.
- Dialek dan Bahasa Nasional: Dari Dialek Melayu ke Bahasa Indonesia. *Kertas Kerja seminar Antarabangsa Dialek-dialek Austronesia di Nusantara*. Universiti Brunei Darussalam, 26 - 29 Ogos.
- Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia: Sebuah Komentar. *Kertas Kerja untuk Pertemuan Linguistik Lembaga Bahasa Atma Jaya (PELLBA 10)*, 20 - 21 Ogos.
- 1999 Pengaruh Winstedt dalam Kajian Sejarah Melayu (Bahagian I). *Dewan Sastera* 29:9 (September): 53-6.
- Pengaruh Winstedt dalam Kajian Sejarah Melayu (Bahagian Akhir). *Dewan Sastera* 29: 10 (Oktober): 66-9, 29: 12 (Disember): 83-4.

Resensi Buku/Artikel

- 1982 Tentang *Human Character in the Wayang: Javanese Shadow Play*. Singapore Book World. 13: 43.
- 1984 Kajian Sejarah Melayu. Dlm *Umar Junus. Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- 1985 Amin Sweeney. *Reputation Live on: An Early Malay Autobiography*. *Journal of Southeast Asian Studies*: 167.
- Nigel Philip[‘s] Sijobang: Sung Narrative Poetry of West Sumatra. *Journal of Southeast Asian Studies*: 342-4.
- 1987 Mohmad Jajuli[‘s] The Undang-undang: A Mid-eighteenth Century Law Text. *Bijdragen tot de Taal-Land-en Volkenkunde* 143(4): 568-9.
- 1990 C. Skinner[‘s] The Battle of Junk Ceylon: The Syair Sultan Maulana. *Indonesian Circle* 51 (March): 42-4.
- Philip L. Thomas[‘s] Like Tigers Around A Piece of Meat. *Journal of Southeast Asian Studies* 20:1 (March): 248-9.
- 1994 V. I. Braginsky[‘s] The System of Classical Malay Literature. *Pacific Affairs* 21: 1.

Lampiran 2

Senarai Penerbitan Yang Quee Yee (1958-2002)

Kamus

- 1969 *Kamus Singkatan Bahasa Melayu* (Melayu-Cina). Singapore: The World Book Store.
- 1972 *Kamus Umum Bahasa Malaysia* (Melayu-Cina). Singapore: The World Book Store.
- 1973 *Kamus Sari Ejaan Bersama* (Melayu-Cina-Inggeris). Singapore: Penerbit Umum.
- 1975 *Kamus Sarian Ejaan Baru* (Melayu-Inggeris). Singapore: Penerbit Umum.
- 1976 *Kamus Dewasa Bahasa Malaysia* (Melayu-Cina-Inggeris). Singapore: The World Book Store.
- 1979 *Kamus Intisari Edisi Baru* (Melayu-Cina-Inggeris). Singapore: The World Book Store.
- 1982 *Kamus Titian untuk Kanak-Kanak*. Singapura: Penerbit Pan-Pasifik.
- 1983 *Kamus Titian untuk Kanak-Kanak* (Melayu-Cina). Singapore: Penerbit Pan-Pasifik.
- 1984 *Kamus Istilah Baru Bahasa Malaysia* (Melayu-Cina-Melayu). Singapore: The World Book Store.
- 1985 *Kamus Sari Ejaan Bersama Edisi Pindaan* (Melayu-Cina-Inggeris). Singapore: The World Book Store.
- 1988 *Kamus Umum Bahasa Malaysia Edisi Pindaan* (Melayu-Cina). Singapore: The World Book Store.
- 2000 *Kamus Umum Bahasa Malaysia Edisi Ketiga* (Versi Cakera Padat, Melayu-Cina). Beijing: Penerbit Chuangxin.

Buku

- 1972 *Malaixiya Yu Xin Pinyin Biaozhun* [Sistem Ejaan Baru Bahasa Malaysia]. Singapore: The World Book Store.
- 1977 *Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah 1-6*. Singapore: Penerbit Pan Pasifik.
- 1988 *Angkatan Ini (Antologi Cerpen Terjemahan Mahua I)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Penyunting)
- *Titik Nuansa (Antologi Puisi Mahua Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Perhimpunan Cina Malaysia. (Penyunting)
- 1994 *Gadis dalam Gambar (Antologi Cerpen Terjemahan Mahua II)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Penyelenggara Bersama Goh Hin San)
- 1998a *A Du La Zhuan* [Terjemahan Hikayat Abdullah]. Singapore: Penerbit Tropika.
- 2000 *Perkembangan Kesusasteraan Mahua Moden 1919-1965*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- *A Du La Youji: Jilandan Pian* [Terjemahan Hikayat Pelayaran Abdullah ke Kelantan]. Singapore: Penerbit Tropika.

Makalah Bahasa Melayu

- 1958 Pengajaran Melayu di Singapura. *Mimbar Universiti: Tribune Persatuan Mahasiswa Nantah*. 1 (Disember).

- 1959 Tugas Memperkembangkan Kebudayaan. *Mimbar Universiti: Tribune Persatuan Mahasiswa Nantah*, 2 (Mei). (*Utusan Melayu* 7 Jun 1959)
- 1960 Tugas Memperkembangkan Kebudayaan Malaya. *Budaya* 1.
- 1961 Bahasa Kebangsaan dan Pelajaran Melayu di Singapura Pada Dewasa Ini. *Budaya* 2.
- Siswa Nanyang di Universitas Indonesia. *Berita Harian* 18 Januari.
- 1985 Peranan Tamatan Jabatan Pengajian Melayu Foon Yew dalam Perkembangan Bahasa Malaysia. *Buku Cenderamata Ulang Tahun ke-10 Jabatan Pengajian Melayu Foon Yew*, 30 November.
- 1987 Ikhtisar Masyarakat Tionghua Dengan Bahasa Melayu. *Buku Cenderamata Pameran Masyarakat Tionghua dan Bahasa Melayu* (Sempena ulang tahun pertama Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia), 6 - 8 April.
- 1989 Leksikografi Melayu dalam Masyarakat Tionghua. *Papan Luncur: Majalah Jabatan Pengajian Melayu Foon Yew*. 1.
- 1994 Citra Kesusasteraan Mahua Selepas Perang Dunia Kedua. *Kertas Kerja Seminar Kesusasteraan Bandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 15 Ogos.
- Sejauh Mana Karya Perkamusan Melayu di Masyarakat Tionghua. *Kertas Kerja Seminar Perkamusan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 20 - 21 Disember.
- 1995 Masalah Koleksi dan Fungsi Koleksi Peribadi Buat Pengajian Bahasa Melayu. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Koleksi Khas Pengajian Asia Tenggara*. Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, 19 - 21 Jun.
- 1995 Penterjemahan Bahan-Bahan Bahasa Melayu di Bidang Bahasa Tionghua. *Kertas Kerja Kongres Bahasa Melayu Sedunia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 21 - 25 Ogos.
- 1996 Proses Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing*, Beijing Foreign Studies University & Dewan Bahasa dan Pustaka, 20 - 24 Mei.
- 1996 Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu Masyarakat Cina di Sekitar Tahun 1950-an. *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Institut Teknologi MARA, 9 - 10 Disember.
- 1997 Keghairahan Pengajian Bahasa Melayu di Kampus Nantah. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*, National Institute of Education. Nanyang Technological University, Singapore, 17 - 18 Julai.
- 2000 Perkamusan Melayu Susunan Masyarakat Cina di Malaysia. SARI 18: 151-175.
- 2002 Manlajia Gua Yiyu: Kamus Melayu Yang Pertama Disusun Orang Cina dan Kesannya Dalam Perkamusan Melayu. *Kertas Kerja Colloquium on Chinese Scholarship on the Malay World: A Re-Evaluation of a Scholarly Tradition*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 16-17 September.

Makalah Bahasa Cina

- 1985 Kerumitan Penyusunan Dua Buah Kamus Bahasa Melayu: *Kamus Neka Bahasa Malaysia* dan *Kamus Istilah Baru Bahasa Malaysia*. *Sin Chew Jit Poh*, 7 Disember.
- 1986 Hasil Terjemahan Sastera Mahua dalam Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. *Majalah Seni Sastera Tropika* 6 (Julai).

- Ikatan Persahabatan di Dewan Bahasa dan Pustaka. *Majalah Seni Sastera Tropika* 7 (Disember).
- 1987 Teori dan Amalan Penterjemahan Bahasa Cina-Melayu. *Majalah Seni Sastera Tropika* 10 (Julai).
- Perkembangan Penterjemahan Bahasa Cina-Melayu. *Asian Culture* 9 (April).
- Bentuk Awal Kamus Cina-Melayu. *Asian Culture* 10 (Oktober).
- 1988 Bangkitkan Semula Semangat dan Kecenderungan Baru. *Nanyang Siang Pau*, 14 September.
- Terus Berusaha. Ruangan Sastera Sinchew, *Sin Chew Jit Poh*, 17 September.
- 1990 Peranan Bahasa Cina dalam Masyarakat Multi Bahasa. *Kumpulan Makalah Seminar Pengajaran Bahasa Cina Sedunia*. The Chinese Language Society, Singapore, 31 Julai.
- 1992 Keharmonian Antara Kaum dan Interaksi Budaya. *Majalah Seni Sastera Tropika* 17 (Jun).
- Nikmat dan Hikmah daripada Payah Jerih Penyusunan Kamus: Satu Percakapan tentang Pengalaman Diri. *Majalah Dunia Seni dan Sastera* 1 (Januari).
- Cina Peranakan dan Bahasa Melayu. *Majalah Yuan* 20 (Oktober). *Jurnal Rosa Sinensis* 17:1 (September 1995)
- Perspektif dan Perkembangan Bahasa Melayu. *Buku Cenderamata Lepasannya Siswa Kali Ke-2 Kolej Selatan*. Skudai: Kolej Selatan.
- 1993 Karya Sastera Klasik China dalam Bahasa Melayu. *Majalah Yuan* 21 (Januari); *Jurnal Rosa Sinensis* 1 (November 1995).
- Wawancara yang Terlewat: Kenangan Terhadap Allahyarham Keris Mas. *Nanyang Siang Pau*, 24 April.
- Chan Kim Boon: Perintis Cina Peranakan dalam Bidang Penterjemahan Cina-Melayu. *Majalah Yuan* 22 (April). *Jurnal Rosa Sinensis* 19 (1 Januari 1996).
- Hasil Cemerlang Chan Kim Boon: Sam Kok, Song Kang, Kou Chey Thian (Seh Yew). *Majalah Yuan* 23 (Ogos); *Jurnal Rosa Sinensis* 20(1 Mac 1996).
- Wan Boon Seng: Penterjemah Cina Peranakan yang Terakhir. *Majalah Yuan* 24 (November); *Jurnal Rosa Sinensis* 21 (1 Mei 1996).
- 1994 Kelahiran dan Pengembangan *Kamus Umum Bahasa Malaysia*. *Majalah Seni Sastera Tropika* 19 (Mac).
- Gwee Thiam Hock: Tokoh Koleksi Barangan Antik Cina Peranakan dan Bukunya *Mas Sepuluh*. *Majalah Yuan* 25 (Mac); *Jurnal Rosa Sinensis* 22(1 Julai 1996).
- Batu Penanda Interaksi kebudayaan Malaysia-China. *Lianhe Zaobao* 19 (Mei); *Huasheng* 20 Mei 1994.
- Keterampilan Cina Totok dalam Mengatasi Masalah Penguasaan Bahasa Melayu. *Majalah Yuan* 20 (Jun); *Jurnal Rosa Sinensis* 27 (27 Mei 1997).
- Hua Yi Tongyu*: Kamus Melayu yang Bercitra Bahasa Cina. *Majalah Yuan* 27 (September). *Jurnal Rosa Sinensis* 28 (1 Julai 1997).
- Penggunaan Dialek Cina dalam Lingkungan Lingua Franca Bahasa Melayu. *Majalah Yuan* 28 (Disember). *Jurnal Rosa Sinensis* 29 (30 September 1997).
- 1995 Hasil Susunan Cina Peranakan: *The Triglot Vocabulary (English, Malay, Chinese, Hokkien, Hakka Charate)* *Majalah Yuan* 29 (Mac). *Jurnal Rosa Sinensis* 34 (31 Julai 1998).
- Terjemahan Pantun dan Cerpen: Lembaran Baru Penterjemahan Melayu-Cina. *Majalah Yuan* 30 (Jun); *Jurnal Rosa Sinensis* 34 (31 Julai 1998).

- Penggunaan Bahasa Melayu dalam Masyarakat Cina Membuka Era Baru. *Majalah Yuan* 31 (September).
- Maju Mundur Sastera Terjemahan Cina Peranakan di Malaysia dan Singapura. *Kumpulan Makalah Kesusasteraan dan Kebudayaan Orang Cina di Asia Tenggara*. Singapore: Society of Asian Studies.
- Penjelmaan Semula Kesusasteraan Klasik: Memperkatakan Penerbitan Buku Terjemahan China-Melayu *Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liaozai dan Qibing*, Antologi Cerpen Terjemahan Anwar Ridhwan. *Lianhe Zaobao* 1 (Disember).
- 1996 Sokongan Masyarakat Cina Terhadap Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III: Jasa Persatuan Hokkien Singapura Tidak Harus Diketepikan. *Majalah Yuan* 32 (Februari).
- Kemajuan Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah-sekolah Cina Pada Tahun 1950-an. *Majalah Yuan* 33 (Julai).
- Peranan Dialek Minnan di Antara Bahasa-Bahasa Perantau. *Kumpulan Makalah Seminar Antarabangsa Dialek Minnan ke-4*. Guangdong: Universiti Shantou.
- 1997 Perkembangan Mutakhir Bahasa Melayu di Kalangan Masyarakat Cina. *Majalah Seni Sastera Tropika* 23 (Disember).
- 1998 Selayang Pandang Perkembangan Perkamusan Melayu di Masyarakat Cina. *Jurnal Tropika*. 1 (Disember).
- 1999 Bahasa Melayu dan Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura. Li Rulong ed. *Kajian Bahasa Orang-orang Cina di Asia Tenggara*. Beijing: Penerbit Universiti Bahasa dan Budaya.
- Peristiwa yang Berhubungkait dengan Buku. Han Chuan ed. *Bukit Huazhong Sama Seperti Dulu Kala* [Antologi Lepas Chinese High School Singapura], 29 Ogos.
- Karya Terjemahan Bahasa Melayu-Cina dalam Jagat Kesusasteraan Mahua. Jiang Minghui ed. *Tafsiran Baru Kesusasteraan Mahua*. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-persatuan Alumni Universiti Taiwan.
- 2001 Penterjemahan Cina-Melayu dan Interaksi Budaya Pelbagai Kaum. Wei Weixian, Zhang Yu.an ed. *Kumpulan Makalah Asia Tenggara dalam Menghadapi Abad ke-21*. Beijing: Harian Ekonomi; *Jurnal Tropika* 4 (Februari 2002).

RUJUKAN

- Braginsky, V. I. 1998. *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastra Melayu Dalam Abad 7-19*. Jakarta: Seri INIS XXXIV, INIS.
- Ding Choo Ming. 1999. Mengkaji Manuskrip Melayu. *Dewan Sastera* 29 (3): 72-8.
- _____. 2000. Antara Liaw dengan Winstedt. *Dewan Sastera* 30 (9): 43-7.
- Harun Mat Piah et al. 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M. B. (ed.). 1986. *Laws of South-East Asia (Vol. 1): The Pre-Modern Texts*. Butterworth & Co. (Asia)
- Ibrahim bin Ahmad. 1994. *Perkamusan Melayu: Suatu Pandangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1965. Pengarang-pengarang Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia II (1945-1958). *Bahasa* 7.
- Li Yelin. eds. 2002. *Selected Historical Sources of Nanyang University*. Petaling Jaya: Nanyang University Alumni Association of Malaya.
- Liauw Kian Djoe ed. Disember 1960. *Budaya* 1. Singapura: Tan Ta Sen.
- _____. September 1961. *Budaya* 2. Singapura: Seah Beng Kim.
- _____. Ogos 1962. *Budaya* 3. Singapura: Seah Beng Kim.
- _____. *Mimbar Universiti*, Disember 1958; Mei, Oktober 1959; Mac, Ogos, Oktober 1960; Mac 1961; Ogos 1963.
- Mohd. Taib Osman & A. Aziz Deraman. (ed.). 2000. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rajjee Hadi. 1987. Selok-Belok Penulisan Bahasa Melayu yang Betul. *Utusan Melayu*, 16 (Jun).
- Salmiah Ismail. 1985. Saya Optimis dengan Perkembangan Bahasa Melayu di Singapura (Wawancara). *Dewan Sastera* 15(8): 19-21.
- Yusuf Susilo Hartono. 1998. Pakar Bahasa Indonesia dan Melayu, Liaw Yock Fang: Di mana-mana Sastrawan Selalu Protes... *Surabaya Post*, 11 Januari.

Chong Fah Hing
 Pensyarah
 Jabatan Bahasa Asing
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
 Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia
 e-mail: cfhing@fbmk.upm.edu.my